

## **ANALISIS KATA SENDI NAMA “DI” DAN “DALAM” DALAM PENULISAN KARANGAN PELAJAR TINGKATAN 4**

*(ANALYSIS OF THE PREPOSITIONS “DI” AND “DALAM” IN THE ESSAY WRITINGS OF  
FORM 4 STUDENTS)*

**Siti Nur Solehah Bahaudin**  
sitileha2598@gmail.com

**Mohd Sufian Ismail**  
sufian@ipgmipoh.edu.my

**Anida Sarudin**  
anida@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak,  
Malaysia.

Received: 13th December 2022; Accepted; 16th April 2023; Published: 19th April 2023

### ***Abstract***

*Good command of grammar skills can help students produce quality, critical and creative writing. The teaching of Malay grammar should follow the correct principles to avoid confusion in the use of prepositions. Most students are not proficient and lack knowledge in using prepositions correctly. This study focuses on the prepositions “di” and “dalam” in the essay writings of form 4 students. The current study applies a qualitative research method conducted on 30 essays written by form 4 students. The objective of this research is to identify, describe and analyse the forms of prepositions used in the production of form 4 students' essays. The researcher uses the Transformative Generative Theory introduced by Noam Chomsky in 1957 to explain the research objectives. The correct use of prepositions in essays is analysed using percentages. The result of the investigation shows that the percentage of correct use of the preposition “di” is 83% and the incorrect use is 17%. For the use of the preposition “dalam”, the percentage of correct answers is 65% and the incorrect answers is 35%. Conclusively, there are students who are still confused on the accurate use of prepositions according to the correct preposition formula. This situation can be seen through the dominant errors in the use of the preposition “dalam” in comparison with the preposition “di”. This investigation can further enhance the correct use of prepositions in students' essay writing and Malay language teachers need to take proactive measures to address this problem. Some of the suggestions for further studies that can be done by the researchers is to investigate grammatical mistakes using different corpora such as newspapers, magazines, speech texts, short stories, and others.*

**Keywords:** *preposition, Malay grammar, essay, Transformative Generative Theory.*

### **Abstrak**

Penguasaan kemahiran tatabahasa yang baik dapat membantu pelajar menghasilkan penulisan yang berkualiti, kritis dan kreatif. Pengajaran tatabahasa bahasa Melayu perlulah mengikut prinsip yang betul bagi mengelakkan kekeliruan penggunaan kata sendi nama. Dalam penggunaan kata sendi nama, kebanyakan pelajar tidak mahir dan kurang pengetahuan tentang penggunaan kata sendi nama yang tepat. Kajian ini berfokus kepada kata sendi nama “di” dan “dalam” dalam penulisan karangan pelajar tingkatan 4. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian yang berbentuk kualitatif yang dijalankan terhadap pelajar tingkatan 4 bagi menghasilkan 30 buah karangan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti, menghuraikan dan menganalisis bentuk kata sendi nama yang digunakan dalam penghasilan karangan pelajar tingkatan 4. Pengkaji menggunakan Teori Transformatif Generatif yang diperkenalkan oleh Noam Chomsky pada tahun 1957 bagi menjelaskan objektif kajian. Penggunaan kata sendi nama yang betul dalam karangan dianalisis menggunakan peratusan. Hasil kajian menunjukkan peratus penggunaan kata sendi nama “di” yang betul ialah sebanyak 83% dan salah ialah sebanyak 17%. Bagi penggunaan kata sendi nama “dalam” pula, peratusan jawapan yang betul ialah sebanyak 65% dan yang salah sebanyak 35%. Secara keseluruhannya, terdapat pelajar yang masih keliru dengan penggunaan kata sendi nama yang betul mengikut rumus kata sendi nama yang betul. Situasi ini dapat dilihat melalui kesalahan penggunaan kata sendi nama “dalam” yang lebih dominan berbanding kata sendi nama “di”. Kajian ini dapat mengukuhkan lagi penggunaan kata sendi nama yang betul dalam penulisan karangan pelajar dan guru bahasa Melayu perlu mengambil langkah yang proaktif bagi menangani masalah ini. Antara cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan oleh pengkaji seterusnya ialah mengkaji kesalahan tatabahasa menggunakan korpus berbeza seperti akhbar, majalah, teks ucapan, cerpen dan lain-lain.

**Kata Kunci:** kata sendi nama, tatabahasa Melayu, karangan, Teori Transformatif Generatif

### **Pengenalan**

Polemik pengajaran tatabahasa menjadi isu yang sering mendapat perhatian dan dibincangkan dalam konteks pendidikan. Pengajaran tatabahasa di dalam kelas kurang diberi penekanan oleh guru bahasa Melayu ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Peranan guru dalam pengajaran tatabahasa sangat penting untuk menerangkan hukum atau rumus tatabahasa yang betul kepada pelajar supaya mereka dapat membina ayat dengan menggunakan rumus serta peraturan tatabahasa yang betul dan tepat. Pengajaran tatabahasa dapat membantu murid memahami unsur-unsur, fungsi, bentuk dan makna tatabahasa yang betul. Isu pengajaran tatabahasa ini bukan sahaja melibatkan peranan guru dalam mengajar pelajar, tetapi peranan pelajar turut memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang diajar di dalam kelas. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar kurang meminati topik tatabahasa kerana menganggap pelajaran tatabahasa, iaitu

rumus serta hukum tatabahasa membosankan dan sukar untuk diingati. Penguasaan tatabahasa penting supaya penutur sesuatu bahasa dapat menguasai bahasa ibundanya dengan betul. Misalnya, bahasa Melayu mempunyai pelbagai rumus tatabahasa yang perlu diingat dan diaplikasikan dalam penulisan. Oleh itu, apabila pelajar dapat memahami sesuatu makna perkataan dan dapat mengingat rumus tatabahasa secara langsung mereka dapat menentukan kedudukan dalam ayat mengikut formula tatabahasa yang betul.

Pengajaran tatabahasa di sekolah merangkumi tatabahasa pegangan yang diajar menerusi *Tatabahasa Dewan*. Tatabahasa pegangan ini digunakan sebagai rujukan oleh masyarakat terutamanya di sekolah dan institusi pendidikan. Tatabahasa pegangan ini dijadikan rujukan kerana mengandungi rumus-rumus dan peraturan-peraturan penggunaan bahasa Melayu yang dipersetujui bersama. Pelbagai bentuk buku tatabahasa teras menjadi panduan, namun terdapat lambakan buku tatabahasa dan aktiviti pengukuhan yang diterbitkan dalam usaha untuk memenuhi aspek pengajaran tatabahasa. Buku-buku ini digunakan sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi. Pengajaran tatabahasa merupakan satu bidang yang perlu dikuasai oleh pelajar. Hal ini kerana penggunaan tatabahasa yang tidak tepat menyebabkan pelajar tidak dapat menghasilkan penulisan karangan yang baik. Dengan menguasai pembelajaran tatabahasa, pelajar dapat menyusun kata dan ayat dengan menggunakan pola atau rumus yang sesuai dan seterusnya dapat mengarang karangan dengan baik.

Pengajaran tatabahasa sangat penting supaya pelajar dapat menguasai sistem bahasa yang tepat serta menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam percakapan dan penulisan. Aspek tatabahasa merupakan kemahiran yang memerlukan pelajar untuk menguasai morfologi dan sintaksis. Bagi bahagian morfologi, perkara yang difokuskan ialah struktur kata, bentuk kata dan golongan kata. Bagi bahagian sintaksis pula, pelajar perlu menguasai bentuk, jenis, ragam ayat, binaan ayat dan proses penerbitan ayat. Guru-guru bahasa Melayu perlu sentiasa mematuhi dan merancang pengajaran terutamanya dalam aspek tatabahasa bagi menjamin keberkesanan pengajaran tatabahasa dan pelajar dapat mengaplikasikannya dalam bentuk lisan dan penulisan. Dalam pembelajaran tatabahasa, pelajar tidak dapat mengelak daripada melakukan kesalahan tatabahasa. Menurut Abdullah Jumain Abu Samah (2010), bahasa yang baik melibatkan penggunaan ayat atau ayat-ayat yang betul daripada aspek tatabahasa, jelas dan tepat melalui aspek fakta yang dikemukakan (Shahidi A.H et al., 2016).

Bertitik tolak daripada situasi ini, pengajaran kata sendi nama juga mengalami kekeliruan dan kekaburan tentang pemahamannya. Menurut Abdullah Hassan (2006), kata sendi merupakan golongan kata yang penting dalam bahasa pertuturan dan tulisan. Hal ini demikian kerana kata sendi merupakan kata yang berfungsi sebagai penghubung ayat yang menunjukkan perkaitan antara satu perkataan dengan perkataan yang lain atau satu bahagian ayat dengan bahagian ayat yang lain. Melalui penghubung ayat tersebut akan menghasilkan satu makna yang lengkap dan jelas. Kata sendi nama pula merujuk kepada perkataan yang berfungsi sebagai kata depan bagi kata nama atau frasa nama (Ahmad Khair Mohd Nor, 2019). Meskipun semua kata sendi nama hadir di hadapan kata nama atau frasa nama, namun setiap kata sendi tersebut memainkan tugas dan fungsi yang berbeza. Penggunaannya juga ditentukan oleh peraturan yang khusus dalam tatabahasa.

Bahasa Melayu mempunyai kata sendi nama yang banyak dan kerap digunakan dalam penulisan dan lisan. Antara kata sendi nama yang sering digunakan dalam bahasa Melayu ialah “di”, “ke”, “dalam”, “daripada”, “kepada”, “untuk”, “dengan”, “oleh” dan lain-lain. Menurut Nik Safiah Karim (2003), disebabkan jumlah kata sendi nama yang banyak, hal ini telah menyebabkan ramai orang melakukan kesalahan ketika menggunakan kata sendi nama. Setiap kata sendi nama mempunyai fungsi dan tugas tersendiri dan perlu mengikut peraturan khusus ketika menggunakannya. Contohnya, kata sendi nama “di” berfungsi menunjukkan tempat dan arah, manakala kata sendi nama “dalam” berfungsi sebagai lingkungan yang tiada ruang dan jarak. Oleh itu, kajian yang ini dijalankan adalah berdasarkan kesalahan yang sering dilakukan dalam penggunaan kedua-dua kata sendi nama ini kerana kurangnya pengetahuan tentang penggunaan kata sendi nama itu.

Tatabahasa Transformasi Generatif merupakan perkembangan teori tatabahasa terawal yang diperkenalkan oleh Noam Chomsky pada tahun 1957 berdasarkan pendekatan *Syntactic Structures* dan *Aspect Theory of Syntax*. Noam Chomsky turut dikenali sebagai bapa kepada linguistik generatif dan beliau percaya bahawa teorinya dapat menjelaskan fenomena berkaitan semua bahasa di dunia. Teori yang diperkenalkan dahulunya dikenali sebagai nahu generatif dan ditukar kepada nahu transformasi. Beliau berpendapat bahawa leksikon mempunyai satu set rumus yang boleh mengandaikan dengan betul gabungan perkataan yang boleh membentuk ayat yang gramatis. Beliau juga mengemukakan bahawa manusia mempunyai nahu sejagat dan menjadi pegangan semua pengikut nahu transformasi generatif (Asmah Omar, 2011). Teori Transformasi Generatif mempunyai dua peringkat struktur ayat, iaitu struktur dalaman dan struktur permukaan. Struktur dalaman lazimnya mengandungi bentuk ayat inti atau ayat dasar untuk membentuk asas makna ayat, manakala struktur permukaan mengalami perubahan daripada struktur dalaman. Rumus tatabahasa yang diterbitkan oleh kedua-dua struktur tersebut merupakan rumus struktur frasa dan rumus transformasi. Rumus-rumus tatabahasa ini akan menghasilkan rajah-rajah pohon pada sesuatu ayat (Nik Safiah Karim et al., 2015).

Pengajaran tatabahasa bahasa Melayu perlulah mengikut prinsip yang betul bagi mengelakan ketidakpastian atau kekeliruan penggunaan kata sendi nama. Perkara sebegini akan menyebabkan pelajar sering melakukan kesalahan yang berulang dalam pembinaan ayat mengikut konteks. Dalam penggunaan kata tugas, iaitu kata sendi nama, kebanyakan pelajar tidak mahir dan kurang pengetahuan tentang penggunaan yang tepat. Oleh itu, pembacaan yang banyak dan peranan guru akan membantu pelajar untuk membaiki kesalahan dalam penggunaan kata sendi nama.

## **Permasalahan Kajian**

Kemahiran tatabahasa merupakan aspek penting yang perlu difahami dan diberi perhatian oleh para pelajar dan guru. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu (2018, p. 8) digubal untuk melengkapkan murid dengan kemahiran berbahasa dan persediaan melangkah ke bidang pengajian tinggi dan alam pekerjaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Penguasaan tatabahasa membantu pelajar berkomunikasi menggunakan sistem bahasa serta menghasilkan penulisan yang berkualiti, kritis dan kreatif. Penggunaan kata sendi nama dalam

penulisan karangan pelajar merupakan isu yang penting untuk dikaji bagi mengenal pasti kesalahan yang sering dilakukan oleh para pelajar ketika menulis sesebuah karangan. Kajian oleh Nor Ain Nor Azman dan Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2020) adalah berkaitan kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam kalangan pelajar dalam penulisan berdasarkan Teori Analisis Kesalahan. Pelajar sering kali mengalami masalah memahami konsep kata sendi nama dan penggunaannya yang betul dalam bidang penulisan. Hal ini merupakan isu yang serius hingga menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai dan memahami penggunaan kata sendi nama yang betul dan tepat. Akibatnya, penulisan yang dihasilkan oleh pelajar tidak gramatis dan tidak mematuhi aspek tatabahasa kerana tidak memahami konsep serta fungsi kata sendi nama yang betul.

Bukan itu sahaja, tahap penguasaan bahasa Melayu akan terjejas kerana pelajar tidak mengutamakan penggunaan bahasa Melayu dengan betul. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu yang digunakan dalam penulisan karangan tidak menepati aspek morfologi yang betul dan mengikut rumus tatabahasa. Dalam kajian ini, penggunaan kata sendi nama nampak sangat mudah digunakan dalam sesuatu penulisan, tetapi penggunaannya mengandungi peraturan-peraturan tertentu yang perlu dipatuhi. Peraturan tersebut tergolong dalam penggunaan rumus tatabahasa yang betul supaya penulisan karangan yang dihasilkan mantap dan gramatis. Dalam bahasa Melayu, terdapat banyak jenis kata sendi nama. Setiap kata sendi nama memainkan tugas yang tersendiri. Berdasarkan kajian daripada Shahidi A.H. et al., (2016), telah dinyatakan bahawa ramai pelajar keliru tentang penggunaan kata sendi nama “di”. Hal ini dapat dilihat dalam penulisan karangan, murid tidak dapat membezakan penggunaan kata ‘di’ sebagai kata sendi nama atau sebagai kata imbuhan.

Menurut Shahidi A.H et al. (2016), pembelajaran bahasa dikatakan sebagai proses mempelajari bahasa. Dalam proses pembelajaran ini, pelajar tidak terkecuali daripada melakukan kesalahan bahasa. Pelajar seharusnya dapat membina ayat yang betul dari aspek tatabahasa dengan kejelasan fakta yang disampaikan. Dalam kajian Shahidi A.H et al. (2016), kesalahan bahasa bukan sahaja dilakukan oleh penutur bahasa kedua, tetapi juga oleh penutur pertama. Kesalahan bahasa yang menyimpang daripada hukum yang betul terbahagi kepada tiga, iaitu kesilapan, kesalahan dan lupa sementara. Menurut Coder (1981), kesilapan bahasa sebagai bentuk-bentuk pertuturan yang menyimpang daripada bentuk pertuturan jati. Kesilapan itu meliputi dari aspek tatabahasa, ejaan, istilah, penggunaan kata dan sebagainya (Zaliza Mohamad Nasir, 2017).

Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada kajian kualitatif yang bertujuan untuk menjelaskan dan menganalisis kata sendi nama dalam penulisan karangan pelajar. Penggunaan kata sendi nama banyak digunakan di dalam penulisan karangan tetapi ramai tidak mengambil berat tentang fungsinya dalam binaan sesuatu ayat. Menurut Nik Safiah Karim (2001), penggunaan kata sendi agak mengelirukan sehingga mereka menghadapi kesukaran dan kerap melakukan kesalahan. Di akhir kajian ini, diharapkan satu pendekatan pembelajaran tatabahasa dapat dikemukakan bagi membantu meningkatkan kemahiran tatabahasa terutamanya dalam penggunaan kata sendi nama dalam kalangan pelajar dan guru. Usaha ini juga diharapkan dapat melahirkan penulis yang berkemampuan menggunakan bahasa cendekia dengan baik. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menjelaskan bentuk kata sendi nama “di” dan “dalam” yang digunakan dalam penghasilan karangan pelajar tingkatan 4. Seterusnya, kajian ini akan

menganalisis bentuk kata sendi nama “di” dan “dalam” yang terdapat dalam penulisan karangan pelajar berdasarkan Teori Tatabahasa Transformasi Generatif.

## **Sorotan Literatur**

Isu kesalahan tatabahasa dalam penulisan pelajar merupakan satu isu yang perlu diberi perhatian. Hal ini demikian kerana pelajar sukar untuk memahami rumus-rumus tatabahasa yang betul dan tepat, sekali gus menyebabkan penggunaan tatabahasa bahasa Melayu dalam bidang penulisan tidak digunakan dengan betul. Dalam kajian ini, kesalahan penggunaan kata sendi nama diberi perhatian oleh pengkaji bagi mengetahui kesalahan-kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam pembinaan ayat kata sendi nama. Teori Tatabahasa Transformasi Generatif merupakan teori yang digunakan oleh pengkaji untuk mengetahui kesalahan penggunaan kata sendi nama “di” dalam penulisan karangan pelajar mengikut rumus kata sendi nama. Dalam kajian ini, terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji bidang tatabahasa, iaitu kata sendi nama. Antaranya kajian oleh Nor Ain Nor Azman dan Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2020) yang bertajuk *Analisis Penggunaan Kata Sendi Nama dalam Penulisan Berdasarkan Teori Kesalahan Bahasa*. Kajian ini menjelaskan kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam kalangan pelajar dalam penulisan berdasarkan Teori Analisis Kesalahan. Kajian ini menggunakan kaedah campuran, iaitu kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kuantitatif digunakan untuk melihat kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, manakala kaedah kualitatif digunakan untuk menjelaskan faktor kesalahan penggunaan kata sendi nama berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Bahasa. Hasil kajian ini menunjukkan purata kesalahan yang dianalisis ialah minimum tentang penggunaan kata sendi nama “dari” dan “daripada”. Hal ini menunjukkan hanya segelintir pelajar yang tidak memahami fungsi kata sendi nama “dari” dan “daripada” yang betul. Walaupun begitu, kajian ini hanya mengkaji penggunaan kata sendi nama “dari” dan “daripada”. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji masalah penggunaan kata sendi nama yang berbeza, iaitu kata sendi nama “di” dan “dalam” untuk melihat kesalahan yang terdapat dalam karangan penulisan pelajar.

Selain itu, kajian oleh Hishamudin Isam dan Mashetoh Abd Mutalib (2019) yang bertajuk *Pemanfaatan Analisis Korpus sebagai Teknik Alternatif Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa*. Kajian ini mencadangkan agar teknik pengajaran dan pembelajaran tatabahasa berasaskan analisis korpus digunakan untuk mengajar topik tatabahasa Bahasa Melayu tingkatan 6. Kajian ini menggunakan kajian analisis korpus sebagai suatu teknik alternatif pengajaran dan pembelajaran tatabahasa yang dijalankan dengan berlandaskan pendekatan linguistik korpus. Analisis korpus dimulakan dengan mencadangkan pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan program daftar kata AntConc yang boleh digunakan untuk menganalisis kata. Kajian ini menganalisis data korpus terhadap penggunaan kata sendi nama “daripada”. Hasil kajian menunjukkan hasil yang positif kerana para pelajar dapat menggunakan data korpus untuk mencari penggunaan kata sendi nama “daripada” dengan betul dan dapat menghuraikan kata sendi nama dengan tepat. Analisis data korpus yang dilakukan akan memberi kesan yang positif sekiranya teknik yang dirancang bersesuaian dengan strategi pengajaran dan pembelajaran tatabahasa tersebut.

Seterusnya, kajian oleh Izani Daud (1996) yang bertajuk *Kesilapan Penggunaan Sendi Nama “di” dalam Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat penggunaan kata sendi nama “di” dan mengenal pasti kesilapan penggunaannya. Setiap kesilapan yang dilakukan mempunyai faktor-faktor tertentu. Bagi mengelakkan kesilapan berlaku, strategi atau langkah yang sesuai perlu dilaksanakan. Dapatan kajian mendapati bahawa punca kesilapan yang sering dilakukan ialah penggunaan kata sendi nama “di” digantikan sebagai imbuhan awalan “di” dalam kata kerja pasif. Selain itu, punca kesilapan penggunaan kata sendi nama “di” terjadi dengan merapatkannya bersama perkataan yang menunjukkan tempat atau arah dan lain-lain. Hasil kajian mendapati masih ramai pelajar yang melakukan kesilapan penggunaan kata sendi nama “di”. Berdasarkan kajian ini, jelas menunjukkan kesilapan penggunaan kata sendi nama “di” lebih dominan dan menyebabkan pengkaji ingin mengkaji dengan lebih mendalam kata sendi nama “di” dan melihat sejauh mana kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ketika menulis karangan bahasa Melayu.

Selain itu, kajian daripada Shahidi A.H, Norshahila Mohamad Razak, M Mascitah Mansor, Rahim Aman, & Ab. Samad Kechot (2016) yang bertajuk *Profil Kecelaruhan Penutur Natif Melayu dalam Penulisan Esei* membincangkan tentang kecelaruhan penggunaan kata sendi nama “di” dalam penulisan karangan. Kecelaruhan yang dibincangkan ialah berkaitan penggunaan kata “di” yang berfungsi sebagai kata imbuhan atau kata sendi nama. Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh pengkaji, didapati bahawa kesalahan penggunaan kata sendi nama terbahagi kepada tiga, iaitu penggunaan kata sendi yang tidak tepat, penggunaan kata sendi yang salah dan kesalahan ejaan. Bagi penggunaan kata imbuhan “di” pula kesalahannya hanya pada ejaan sahaja. Pengkaji mendapati bahawa kajian kata sendi nama “di” digunakan dengan salah ketika menulis karangan. Walaupun begitu, kajian ini mempunyai kelompangan yang memerlukan pengkaji mengupas dengan lebih lanjut khususnya berkaitan penggunaan kata sendi nama “di” dalam kalangan pelajar.

Selain itu, kajian oleh Siti Baidura Kasiran dan Nurul Jamilah Rosly (2011) yang bertajuk *Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Karangan Pelajar Asing di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam* ialah kajian yang menganalisis kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar asing yang mempelajari kursus bahasa Melayu di institut pengajian tinggi awam. Kajian ini menggunakan Teori Analisis Kontrastif dan analisis kesalahan bahasa. Pengkaji mendapati bahawa kesalahan aspek ayat dan kesalahan aspek frasa, iaitu frasa nama, frasa kerja dan frasa sendi nama merupakan kesalahan tertinggi yang dilakukan oleh pelajar asing dalam pembinaan ayat bahasa Melayu. Terdapat dua perkara yang berbeza antara kesilapan dan kesalahan. Kesilapan menurut Richards et al. (1992) dalam kajian ini ialah kesilapan yang dilakukan oleh pelajar semasa menulis atau bertutur disebabkan kurang penumpuan, keletihan, kecuaihan atau aspek-aspek kelakuan lain. Kesalahan pula ialah berkaitan penggunaan bentuk bahasa yang dianggap salah oleh penutur jati atau penutur yang fasih dalam sesuatu bahasa disebabkan pembelajaran yang salah atau belum sempurna.

Terdapat juga kajian-kajian lepas yang hampir sama dengan pengkaji. Penggunaan teori yang sama menyebabkan pengkaji menjadikan kajian-kajian ini sebagai rujukan. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Kartini Abd Wahab (2013) yang bertajuk *Tinjauan Pembentukan Struktur Pasif “di-” Berdasarkan Tiga Pendekatan Tatabahasa Generatif*. Kajian ini merupakan kajian

yang menganalisis pembentukan struktur pasif “di-” dalam konteks kerangka tatabahasa generatif. Kajian ini menumpukan kepada tiga pendekatan, iaitu *Syntactic Structures*, Teori Kuasaan dan Tambatan dan Program Minimalis. Hasil kajian mendapati kaedah program Minimalis menjelaskan struktur pasif “di-” sebagai satu proses pengimbuhan yang berdikari. Bagi pendekatan *Syntactic Structures*, struktur pasif dianalisis sebagai terbina dari ayat aktif. Bagi Teori Kuasaan dan Tambatan pula, dalam struktur pasif “di-” dijelaskan menerusi teori kasus dan teori teta. Pendekatan yang digunakan adalah di bawah kerangka teori Transformasi Generatif.

Pengajaran tatabahasa merupakan salah satu aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid tidak terkecuali daripada melakukan kesilapan atau kesalahan dalam penggunaan bahasa yang betul. Kajian oleh Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod dan Nor Azwa Hanum Nor Shaid (2016) yang bertajuk *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah* menjelaskan tentang pengaruh faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan bahasa Melayu pelajar sekolah menengah di sekitar daerah Manjung, Perak. Kemahiran bahasa merupakan isu yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana penguasaan kemahiran ini dapat membantu pelajar mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan, menghasilkan bahan kreatif dalam pelbagai genre serta menyampaikan idea menggunakan tatabahasa dan laras bahasa yang sesuai dan betul. Penggunaan tatabahasa yang tepat membantu murid menghasilkan penulisan yang berkualiti, kreatif dan kritis serta murid dapat menyampaikan sistem bahasa dengan betul. Kajian ini menunjukkan faktor utama yang mempengaruhi penulisan karangan ialah faktor pengajaran dan pembelajaran, seterusnya faktor individu. Faktor persekitaran dan faktor jantina juga mempengaruhi penulisan karangan.

## **Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis bentuk kata sendi nama “di” dan “dalam” dalam penulisan karangan pelajar tingkatan 4 berdasarkan Teori Transformatif Generatif. Oleh itu, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Kajian ini dijalankan berdasarkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen, iaitu penulisan karangan pelajar tingkatan 4. Pembahagian markah yang tinggi dalam Sijil pelajaran Malaysia (SPM) menjadikan data penulisan karangan banyak diteroka dari pelbagai sudut. Antaranya Abdul Ghani Jalil (2016) yang menganalisis tingkah laku dalam karangan respons terbuka. Marzni Mohamed Mokhtar & Marni Jamil (2020) pula mengkaji langkah yang diambil oleh guru bagi melaksanakan pengajaran penulisan karangan berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi. Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman (2014) mengkaji kesan pembelajaran berasaskan projek penulisan berbentuk risalah. G. Nagarajan (2017) mengkaji langkah bagi meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis keperihal dan laporan berdasarkan satu reka bentuk tertentu. Pembangunan modul penulisan karangan oleh Logambigai Bakthaselvan et al. (2022) turut melibatkan data karangan. Berdasarkan literatur ini, data karangan dilihat bermotivasi bagi mencapai objektif dalam kajian ini.




Data karangan yang dipilih ini hanya melibatkan pelajar Melayu di sebuah sekolah terpilih sahaja. Hal ini bagi memastikan pola penggunaan kata sendi nama dalam karangan tidak dipengaruhi oleh faktor penguasaan bahasa ibunda subjek itu sendiri. Selain itu, kaedah kepustakaan juga digunakan sebagai rujukan untuk mendapatkan data berkaitan tajuk yang dikaji. Kaedah ini digunakan dengan merujuk buku-buku ilmiah, tesis dan jurnal kajian-kajian lepas. Kaedah kepustakaan penting untuk pengkaji mendapatkan kajian-kajian lepas bagi menyokong kajian pengkaji. Selain itu, kaedah reka bentuk kajian ialah kajian kes yang melibatkan analisis bentuk kata sendi nama dalam penulisan karangan pelajar. Kaedah ini memerlukan penerangan dan penganalisisan terperinci tentang sesuatu fenomena. Analisis ini memerlukan teori untuk menyelesaikan masalah isu kajian. Oleh itu, Teori Transformatif Generatif digunakan untuk menganalisis bentuk kata sendi nama “di” dan “dalam” yang terdapat dalam penulisan pelajar.

## Instrumen Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen, iaitu penulisan karangan pelajar tingkatan 4. Karangan tersebut dianalisis dengan berdasarkan senarai semak penggunaan kata sendi nama mengikut Teori Transformasi Generatif. Menurut Norfisha Mat Rabi (2021), kajian kualitatif menggunakan pendekatan semula jadi untuk memahami sesuatu fenomena dalam konteks yang khusus. Kajian kualitatif memerlukan penyelidik mengumpul data yang tertumpu kepada makna, definisi konsep, atau deskripsi. Dalam kajian ini, pengkaji perlu mendapatkan penulisan karangan dan menganalisis data tersebut bagi menghuraikan persoalan yang terdapat pada kajian ini.

## Prosedur Pengumpulan dan Penganalisisan Data

Kajian ini mengaplikasikan langkah-langkah dalam pengumpulan dan penganalisisan data. Rajah 1 menunjukkan prosedur kajian yang digunakan dalam kajian ini, iaitu:



Rajah 1: Prosedur kajian


Berdasarkan Rajah 1, prosedur kajian bermula dengan pengumpulan data daripada sampel kajian. Prosedur kajian yang pertama ialah pengumpulan data. Proses pengumpulan data diperoleh

secara langsung daripada sampel kajian. Berdasarkan tajuk kajian, pengkaji mendapatkan sampel kajian daripada pelajar tingkatan 4. Sampel yang diperlukan adalah sebanyak 30 buah karangan yang dipilih secara rawak. Pengumpulan data yang dijalankan adalah bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Setelah data dikutip, pengkaji akan menyenaraikan kata sendi nama “di” dan “dalam” yang terdapat dalam karangan pelajar sebelum memulakan analisis secara terperinci. Seterusnya, dalam prosedur kedua, pengkaji melalui pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan. Pengkaji memerlukan maklumat lain seperti buku akademik, jurnal, laman sesawang dan lain-lain rujukan bagi menghuraikan objektif kajian. Berdasarkan tajuk kajian, pengkaji memerlukan bahan-bahan rujukan yang berkaitan tatabahasa bahasa Melayu, kata sendi nama dan Teori Transformatif Generatif. Prosedur ketiga ialah berkaitan langkah-langkah analisis data. Setelah pengumpulan sampel kajian dan maklumat berkaitan kajian diteliti, pengkaji mula mengenal pasti kata sendi nama yang terdapat di dalam penulisan karangan pelajar dan kemudian data tersebut dikeluarkan untuk dianalisis berdasarkan objektif kajian. Semua data tersebut diperoleh daripada penulisan karangan pelajar dan analisis dokumen akan dicatatkan dalam senarai semak. Langkah-langkah untuk menganalisis data terbahagi kepada empat langkah. Pada langkah pertama, pengkaji akan mengumpul data. Seterusnya, pengkaji akan menganalisis data dengan mengenal pasti bentuk kata sendi nama yang terdapat pada penulisan karangan. Langkah ini memerlukan pengkaji mengenal pasti bentuk kata sendi nama “di” dan “dalam” yang terdapat dalam penulisan karangan. Data yang dikumpul akan dianalisis bagi menjawab ketiga-tiga objektif kajian. Analisis ini dilakukan bagi mengetahui kesalahan penggunaan kata sendi nama “di” dan “dalam” yang digunakan dan mencari kekerapan kesalahan yang dilakukan terhadap kedua-dua kata sendi nama tersebut. Analisis yang dilakukan akan disenaraikan oleh pengkaji supaya pengkaji mengetahui sampel yang telah dianalisis dan mengetahui penggunaan kata sendi nama “di” dan “dalam” yang digunakan.

Langkah seterusnya adalah menjelaskan bentuk kata sendi nama “di” dan “dalam” mengikut rumus kata sendi nama. Setelah mengenal pasti bentuk kata sendi nama, pengkaji akan menjelaskan dengan lebih terperinci kesalahan penggunaan kata sendi nama “di” dan “dalam” yang terdapat dalam penulisan karangan pelajar. Pengkaji akan mengkategorikan kesalahan berserta contoh kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Penjelasan berkaitan kata sendi nama “di” dan “dalam” akan dikaitkan dengan Teori Transformasi Generatif (TG). Teori tersebut digunakan bagi menjelaskan dengan lebih lanjut berkaitan rumus kata sendi nama bahasa Melayu dan penggunaannya dalam pembinaan ayat. Contohnya, berdasarkan rumus tatabahasa bahasa Melayu, kata sendi nama terletak di hadapan kata atau frasa nama. Oleh itu, penggunaan teori ini penting bagi membimbing pengkaji membincangkan permasalahan kajian dan dapat mengaitkan perbincangan hasil kajian. Langkah terakhir ialah menilai dan menghuraikan bentuk kata sendi nama “di” dan “dalam”. Proses ini memerlukan pengkaji menghuraikan kekerapan kesalahan kata sendi nama “di” dan “dalam” dalam bentuk peratusan. Kemudian, kekerapan penggunaan kata sendi nama “di” dan “dalam” akan dibandingkan berdasarkan peratusan yang betul dan salah. Pengkaji juga akan menghuraikan penggunaannya berserta contoh daripada sampel yang kerap melakukan kesalahannya di dalam penulisan karangan. Dapatan-dapatan kajian ini seterusnya akan disemak dan dibentangkan berdasarkan carta pai dan jadual bagi memudahkan perbincangan dapatan kajian. Akhir sekali, rumusan berkaitan dapatan kajian yang dibincangkan berdasarkan data-data penulisan karangan tersebut.

## Dapatan dan Perbincangan

Kata sendi nama mempunyai fungsi dan tugas yang tersendiri. Kata sendi nama tergolong dalam kelompok kata tugas dan KSN berada di bawah kata prafrasa dan pascafrasa. Kata tugas berperanan menjadi unsur inti bagi frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif. Di samping itu, penggunaan kata sendi nama ini mempunyai peraturan khusus, misalnya kata sendi nama perlu hadir di hadapan kata nama atau frasa nama. Setiap kata sendi nama mempunyai tugas dan fungsi yang berbeza dan kajian ini memfokuskan kepada dua kata sendi nama iaitu kata sendi nama “di” dan kata sendi nama “dalam”. Rajah 2, menunjukkan kekerapan penggunaan kata sendi nama tersebut dalam penulisan karangan pelajar tingkatan 4, iaitu:



Rajah 2: Kekerapan penggunaan kata sendi nama “di” dan “dalam”

Berdasarkan Rajah 2, jumlah kekerapan penggunaan kata sendi nama “di” ialah 76 bersamaan 51 peratus. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), kata sendi nama “di” digunakan di hadapan kata nama (KN) atau frasa nama (FN) yang menunjukkan tempat. Menurut Zulkeflee Yaacob (2020), kata sendi nama “di” digunakan pada bahagian frasa nama dan fungsinya adalah menunjukkan tempat atau arah. Kata sendi nama “di” tidak boleh digunakan terhadap kata nama atau frasa nama yang menerangkan masa atau zaman. Menurut Zulkeflee Yaacob (2020), kata sendi nama “di” dikatakan juga sebagai kata depan. Penggunaan kata sendi nama “di” merupakan bentuk perluasan kata dasar yang berupa entri dalam konstituen morfologi. Fungsi dan makna kata sendi nama “di” terbentuk apabila ia bergabung dengan kata dasar ketika membentuk sesuatu ayat.

Seterusnya, bagi kata sendi nama “dalam” pula kekerapan penggunaannya ialah sebanyak 74 bersamaan 49 peratus. Kata sendi nama “dalam” berfungsi menunjukkan bidang atau lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Kata sendi nama “dalam” hadir di hadapan kata nama atau frasa nama. Kata sendi nama “dalam” bukan sahaja berfungsi sebagai kata sendi nama, tetapi berfungsi sebagai kata arah mengikut kepada pembinaan ayat. Kedua-dua kata sendi nama ini merupakan kata sendi yang kerap digunakan dalam pembinaan ayat bahasa Melayu terutamanya dalam pembinaan ayat dalam karangan. Penggunaan kata sendi nama sememangnya mengelirukan dan ramai pelajar menghadapi kesukaran dan kerap melakukan kesalahan ketika menggunakan kata sendi nama “di” dan “dalam” dalam penulisan karangan mereka.

Frasa merupakan satu unit yang terdiri daripada susunan yang terkandung sekurang-kurangnya satu atau lebih perkataan. Frasa tidak mengandungi subjek dan predikat tetapi boleh menjadi kedua-duanya dalam ayat. Menurut Nik Safiah Karim (2001), kebanyakan penutur kurang

memahami penggunaan frasa sendi nama dalam bahasa Melayu. Dari segi binaannya, frasa sendi nama terbina daripada satu kata sendi nama dan diikuti oleh kata nama atau frasa nama sebagai pelengkap. Selain daripada binaan kata sendi nama diikuti frasa nama (KSN + FN), kata sendi nama boleh didahului kata arah sebelum frasa nama. Jadual 1 menunjukkan bilangan kata sendi nama yang betul dan salah, iaitu:

Jadual 1: Bilangan kata sendi nama yang betul dan salah

Kata Sendi Nama	Bilangan yang Betul	Bilangan yang Salah	Jumlah
“di”	63	13	76
“dalam”	48	26	74

Berdasarkan Jadual 1, penggunaan kata sendi nama “di” dalam penulisan pelajar yang betul adalah sebanyak 63 dan penggunaan kata sendi nama “di” yang salah ialah sebanyak 13. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar boleh menggunakan kata sendi nama “di” dengan betul. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa pelajar yang masih tidak dapat membezakan fungsi kata sendi nama “di” yang betul. Antara kesilapan pelajar yang sering dilakukan ialah kesalahan fungsi kata sendi nama “di” yang menunjukkan tempat dan terdapat juga kesalahan penggunaan imbuhan yang sepatutnya ditukarkan kepada kata sendi nama dan dijarakkan semasa menulis perkataan “di”. Dalam kajian ini, pengkaji hanya melihat kata sendi nama yang diikuti frasa nama sahaja.

Penggunaan kata sendi nama “dalam” dalam penulisan pelajar yang betul adalah sebanyak 48 dan penggunaan kata sendi nama “dalam” yang salah ialah sebanyak 26 daripada jumlah keseluruhan kekerapan penggunaan kata sendi nama “dalam”, iaitu sebanyak 74. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar dapat menggunakan kata sendi nama “dalam” yang betul. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa pelajar yang masih tidak dapat membezakan fungsi kata sendi nama “dalam” yang betul. Antara kesilapan pelajar yang sering dilakukan ialah kesalahan fungsi kata sendi nama “dalam” yang menunjukkan bidang atau lingkungan yang tidak menunjukkan jarak atau ruang. Terdapat juga kesalahan penggunaan kata sendi nama dengan kata hubung. Dalam kajian ini, pengkaji hanya melihat kata sendi nama yang diikuti frasa nama sahaja. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), kata sendi nama “dalam” hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa maksud lingkungan yang tidak mempunyai ruang dan jarak. Kata sendi nama “dalam” juga boleh bertugas sebagai kata arah. Perkataan “dalam” mempunyai pelbagai fungsi yang tersendiri dalam sesebuah pembinaan ayat. Fungsi atau tugasnya bergantung kepada pembinaan ayat. Perbincangan seterusnya ialah berkaitan dengan contoh kesalahan kata sendi nama “di” yang tidak bersesuaian, iaitu:

Jadual 2: Contoh kesalahan penggunaan kata sendi nama “di” yang tidak bersesuaian

Sampel	Contoh Kesalahan	Pembetulan
3	Isu perpaduan kaum hangat dibincangkan <b>di</b> media massa.	Isu perpaduan kaum hangat dibincangkan <b>dalam</b> media massa.

3	Cara ini dapat memupuk semangat kerjasama dan saling membantu di antara satu sama lain <b>di</b> dalam masyarakat Malaysia.	Cara ini dapat memupuk semangat kerjasama dan saling membantu antara satu sama lain <b>dalam</b> masyarakat Malaysia.
15	Kempen kesedaran perlu diadakan sama ada melalui pengiklanan <b>di</b> televisyen, sosial media atau pendedaran risalah.	Kempen kesedaran perlu diadakan sama ada melalui pengiklanan <b>dalam</b> televisyen, sosial media atau pendedaran risalah.
27	Hal ini kerana terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan <b>di</b> internet untuk tujuan komunikasi.	Hal ini kerana, terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan <b>dalam</b> internet untuk tujuan komunikasi.

Jadual 2 menunjukkan kesalahan penggunaan kata sendi nama yang tidak bersesuaian. Pengkaji juga melihat kepada struktur ayat. Menurut Nik Safiah Karim (2001), binaan frasa sendi nama terdiri daripada kata sendi nama yang diikuti kata nama atau frasa nama. Frasa sendi nama boleh hadir dalam pelbagai kedudukan, iaitu sebagai predikat ayat dan unsur keterangan. Berdasarkan ayat di atas, pelajar didapati keliru dengan penggunaan kata sendi nama yang betul. Contohnya, berdasarkan ayat sampel 3 di atas, frasa sendi nama ini ialah binaan dari kata sendi nama diikuti frasa nama (KSN + FN). Bagi sampel 3, ayat di atas menggunakan kata sendi nama “di”, iaitu pada ayat “di media massa”. Mengikut rumus dalam tatabahasa, kata sendi nama “di” harus diikuti oleh kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat (KSN+FN). Kata nama “media massa” tidak menunjukkan tempat. Oleh itu, kata sendi nama yang sesuai dalam ayat tersebut ialah “dalam media massa”. Hal ini dikatakan demikian kerana kata sendi nama “dalam” perlu diikuti dengan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Dalam bahasa Melayu, terdapat banyak kata sendi nama dan masing-masing memegang tugas tersendiri. Penggunaan kata sendi nama ini mempunyai peraturan yang perlu dipatuhi ketika membina ayat. Oleh itu, kata sendi nama yang betul perlu digunakan untuk menghasilkan ayat yang gramatis dan betul dari segi struktur tatabahasa. Jadual 3 menunjukkan contoh kesalahan sebagai kata sendi nama “di”, iaitu:

Jadual 3: Contoh kesalahan imbuhan sebagai kata sendi nama “di”


Sampel	Contoh Kesalahan	Pembetulan
29	Jerebu terbentuk daripada asap yang tebal <b>di</b> udara.	Jerebu terbentuk daripada asap yang tebal <b>di</b> udara.
29	Kesimpulannya, usaha yang berterusan perlulah dilakukan oleh semua pihak, bukan hanya sekadar melepaskan batuk <b>di</b> tangga.	Kesimpulannya, usaha yang berterusan perlulah dilakukan oleh semua pihak, bukan hanya sekadar melepaskan batuk <b>di</b> tangga.
26	Haiwan liar seperti harimau dan gajah sering <b>di</b> buru untuk dijadikan hiasan yang berharga tinggi di pasaran.	Haiwan liar seperti harimau dan gajah sering <b>di</b> buru untuk dijadikan hiasan yang berharga tinggi di pasaran.

Berdasarkan Jadual 3, kesalahan penggunaan kata sendi nama yang terdapat pada ayat tersebut ialah kesalahan penggunaan kata sendi nama “di” kerana merapatkannya dengan perkataan yang menunjukkan tempat atau arah. Kata sendi nama khusus digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat dan ia ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama selepasnya. Contohnya sampel 29, binaan ayat di atas menunjukkan kata sendi nama “di” yang dieja rapat dengan kata nama “udara” yang menunjukkan tempat dan arah. Pembetulan frasa sendi nama bagi sampel 29 ialah “di udara”. Kesalahan seperti kata “di” yang berfungsi sebagai kata sendi nama atau imbuhan awalan ini sering menjadi kekeliruan kepada pelajar ketika menulis karangan. Jadual 4 menunjukkan contoh kesalahan penggunaan kata sendi nama “dalam” sebagai kata hubung.


Jadual 4: Contoh kesalahan penggunaan kata sendi nama “dalam” sebagai kata hubung.

Sampel	Contoh Kesalahan	Pembetulan
8	Perpaduan kaum amat penting <b>dalam</b> membentuk sesebuah negara yang maju.	Perpaduan kaum amat penting <b>untuk</b> membentuk sesebuah negara yang maju.
9	Pelbagai usaha yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak <b>dalam memelihara dan memulihara alam sekitar.</b>	Pelbagai usaha yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak <b>bagi memelihara dan memulihara alam sekitar.</b>
16	Kesimpulannya, sudah terang lagi bersuluh, semua pihak yang ada memainkan peranan penting <b>dalam memastikan kemalangan jalan raya ini dapat dibendung.</b>	Kesimpulannya, sudah terang lagi bersuluh, semua pihak yang ada memainkan peranan penting <b>bagi memastikan kemalangan jalan raya ini dapat dibendung.</b>

Berdasarkan Jadual 4, kesalahan yang dilakukan ialah kesalahan penggunaan kata sendi nama “dalam” sebagai kata hubung. Kata sendi nama “dalam” berfungsi untuk menerangkan lingkungan yang tiada ruang atau jarak dan kata sendi nama juga perlu hadir di hadapan kata nama atau frasa nama (KSN + FN). Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), perkataan “dalam” mempunyai pelbagai fungsi yang tersendiri dalam sesebuah pembinaan ayat bagi frasa sendi nama iaitu, perkataan “dalam” yang membawa maksud mengenai atau tentang. Selain itu, makna kata sendi nama “dalam” digunakan sebelum frasa nama yang merujuk masa tertentu dan kata “dalam” membawa makna di kalangan atau di antara. Merujuk kepada binaan frasa yang dibina, pengkaji mendapati pelajar menyalahgunakan kata sendi nama “dalam”. Mengikut rumus frasa sendi nama, kata sendi nama perlu diikuti dengan frasa nama. Berdasarkan jadual di atas, bagi sampel 8, “dalam membentuk sesebuah negara yang maju” merupakan kesalahan penggunaan kata sendi nama sebagai kata hubung. Frasa tersebut tidak menunjukkan lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak. Perkataan selepas kata sendi nama “dalam” merupakan kata kerja. Oleh itu, penggunaan kata sendi nama “dalam” tidak sesuai digunakan kerana struktur ayat yang dibina memerlukan kata hubung bagi menghubungkan ayat tersebut. Rajah 3 menunjukkan peratus penggunaan kata sendi nama “di” yang betul dan salah, manakala Rajah 4 menunjukkan peratus penggunaan kata sendi nama “dalam” yang betul dan salah, iaitu:



Rajah 3: Peratus penggunaan kata sendi nama “di” yang betul dan salah



Rajah 4: Peratus penggunaan kata sendi nama “dalam” yang betul dan salah

Rajah 3 menunjukkan peratusan penggunaan kata sendi nama “di” yang betul dan salah, manakala Rajah 4 menunjukkan peratus penggunaan kata sendi nama “dalam” yang betul dan salah. Peratusan ini bertujuan menjawab persoalan bagi objektif ketiga, iaitu menganalisis kesalahan bentuk kata sendi nama “di” dan “dalam” yang terdapat dalam penulisan karangan pelajar berdasarkan Teori Tatabahasa Transformasi Generatif. Rajah 3, menunjukkan peratus penggunaan kata sendi nama “di”, bagi peratus yang betul ialah sebanyak 83 peratus dan salah sebanyak 17 peratus. Seterusnya, Rajah 4 menunjukkan peratus penggunaan kata sendi nama “dalam” bagi peratus yang betul ialah sebanyak 65 peratus dan salah sebanyak 35 peratus. Peratus yang diperoleh ialah hasil daripada pengiraan kekerapan pada dapatan kajian objektif satu yang membincangkan bentuk kata sendi nama yang terdapat dalam penulisan karangan pelajar. Berdasarkan dapatan objektif pertama, walaupun bilangan pelajar yang melakukan kesalahan adalah minimum, namun masih terdapat segelintir pelajar yang masih melakukan kesalahan penggunaan kata sendi nama “di” dan “dalam”. Perkara ini perlu diberi perhatian dan dibincangkan dengan jelas supaya kesalahan yang sama tidak berulang kembali.

Berdasarkan peratusan penggunaan kata sendi nama “di” dan “dalam”, perbincangan tentang menjelaskan kesalahan bentuk kata sendi nama “di” dan “dalam” yang terdapat dalam penulisan karangan pelajar berdasarkan Teori Tatabahasa Transformasi Generatif akan diterangkan di dalam Jadual 5, iaitu:

Jadual 5: Contoh kesalahan kata sendi nama “di” oleh sampel 3

Sampel	Contoh kesalahan
3	di media massa
	di antara
	di dalam masyarakat

Jadual 6: Contoh kesalahan kata sendi nama “di” oleh sampel 29

Sampel	Contoh kesalahan
29	diudara diudara ditangga

Berdasarkan dapatan kajian ini didapati kebanyakan pelajar menulis penggunaan kata sendi nama dengan betul, tetapi tidak bagi sampel 3 dan 29. Pelajar-pelajar ini masing-masing melakukan tiga kesalahan daripada empat penggunaan kata sendi nama “di” dalam karangan mereka. Sebanyak lapan sampel daripada jumlah keseluruhan, iaitu 30 sampel yang salah menggunakan kata sendi nama “di” kerana tidak mengikuti binaan kata sendi nama yang betul. Berdasarkan jadual di atas, kedua-dua sampel melakukan kesalahan dalam binaan kata sendi nama yang tidak mengikuti peraturan kata sendi nama yang betul, iaitu kata sendi nama diikuti kata nama atau frasa nama. Kesalahan yang seterusnya ialah pelajar tidak mengikuti fungsi kata sendi nama yang betul. Terdapat juga kesalahan ejaan bagi kata sendi nama yang perlu dieja jarak selepas kata nama atau frasa nama. Sampel 29 melakukan kesalahan yang sama sebanyak tiga kali, iaitu dengan merapatkan ejaan kata sendi nama “di” dengan frasa nama. Mengikut rumus kata sendi nama perlu dieja jarak dengan kata atau frasa nama. Jadual 7 menunjukkan contoh kesalahan kata sendi nama “dalam”, iaitu:

Jadual 7: Contoh kesalahan kata sendi nama “dalam” oleh sampel 8

Sampel	Contoh kesalahan
8	dalam mengeratkan dalam membentuk

Jadual 8: Contoh kesalahan kata sendi nama “dalam” oleh sampel 11

Sampel	Contoh kesalahan
11	dalam mentadbir dalam melakukan

Berdasarkan Jadual 7 dan 8 didapati kebanyakan pelajar menulis penggunaan kata sendi nama dengan betul, tetapi terdapat dua orang pelajar sampel 8 dan 11, masing-masing melakukan tiga dan empat kesalahan daripada lima dan empat penggunaan kata sendi nama “dalam” dalam karangan mereka. Sebanyak 15 sampel daripada jumlah keseluruhan, iaitu 30 sampel yang salah menggunakan kata sendi nama “dalam” yang betul kerana tidak mengikuti binaan kata sendi nama yang betul, iaitu kata sendi nama yang diikuti oleh kata nama atau frasa nama. Hal ini membuktikan bahawa masih ramai pelajar yang salah menggunakan kata sendi nama “dalam” dalam penulisan karangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan ramai pelajar yang masih keliru dengan penggunaan kata sendi nama “dalam” berbanding kata sendi nama “di”.



## **Kesimpulan**

Kajian ini berjaya menjawab kesemua persoalan dan dilihat mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan, iaitu melalui perbincangan dapatan-dapatan kajian yang telah dianalisis dan dipersembahkan mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan. Berdasarkan objektif pertama kajian ini didapati bahawa jumlah kekerapan penggunaan kata sendi nama “di” ialah sebanyak 76 bersamaan 51 %. Bagi jumlah kekerapan penggunaan kata sendi nama “dalam” pula ialah sebanyak 74 bersamaan 49 %. Dapatan yang diperolehi bagi objektif kedua pula mendapati bahawa pelajar tidak mengikuti peraturan atau rumus kata sendi nama yang betul, iaitu kata sendi nama yang seterusnya diikuti dengan kata atau frasa nama. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati kesalahan penggunaan kata sendi nama “di” dikaitkan dengan penggunaan kata sendi nama yang tidak sesuai dan kesalahan imbuhan awalan “di” sebagai kata sendi nama. Begitu juga dengan kata sendi nama “dalam”, iaitu kesalahan yang dilakukan pelajar ialah penggunaan kata sendi nama yang tidak sesuai. Bagi dapatan objektif ketiga, pengkaji mendapati bahawa peratus penggunaan kata sendi nama “di” bagi peratus yang betul ialah sebanyak 83 % dan peratus yang salah pula sebanyak 17 %. Bagi peratus penggunaan kata sendi nama “dalam” pula, penggunaan yang betul ialah sebanyak 65 % dan yang salah pula sebanyak 35 %. Dengan menjawab ketiga-tiga objektif kajian yang telah dikemukakan, kajian didapati menyumbang kepada petunjuk kepada masalah dalam tatabahasa terutamanya dalam bidang morfologi dan sintaksis. Kajian ini juga mampu memberi implikasi yang positif dalam meningkatkan pemahaman tentang kata sendi nama kepada para pelajar dan guru sekolah menengah di Malaysia.

## **Rujukan**

Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi*. PTS Professional.

Abdullah Hassan. (1993). *Tatabahasa Pedagogi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Abdullah Jumain Abu Samah. (2010). *Atasi kesalahan bahasa dan kuasai penggunaan BMS: Aplikasi tatabahasa natural*. Marshall Cavendish Editions.

Abdul Ghani Jalil. (2016). Tingkah laku dan proses semasa menulis karangan respons terbuka murid berprestasi rendah. *Proceedings of the International Seminar on Generating Knowledge Through Research 1*, 951-958. <http://dx.doi.org/10.21070/piccrs.v1i1.637951>.

Ahmad Khair Mohd Nor. (2019). *Teks lengkap tatabahasa bahasa Melayu STPM*. (Edisi baharu). Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Asmah Omar. (2011). *Teori dan kaedah nahu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Corder, S. P. (1981). *Error analysis and interlanguage*. Oxford University Press.

- Logambigai Bakthaselvan, Muhammad Saiful Haq Hussin, & Wong, S. Y. (2022). Pembangunan modul karangan E-BMKU untuk kegunaan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 33(1), 55–68. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol33no1.4>
- G. Nagarajan Gunaseraran. (2017). Meningkatkan kemahiran memodifikasikan karangan jenis keperihalalan kepada laporan menggunakan teknik penjelmaan. *Proceedings of the ICECRS, I(1)*, 1107–1120. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.654>
- Hishamudin Isam, & Mashetoh Abd Mutalib. (2019). Pemanfaatan Analisis Korpus sebagai Teknik Alternatif Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 9(1), 13-31.
- Izani Daud. (1996). Kesilapan penggunaan sendi nama “di” dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 418.
- Kartini Abd Wahab. (2013). Tinjauan pembentukan struktur pasif “di-” berdasarkan tiga pendekatan Tatabahasa Generatif. *Jurnal Melayu*, 11, 30-50.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marzni Mohamed Mokhtar & Marni Jamil. (2020). Penggunaan kata-kata hikmat, tokoh & peribahasa dalam proses penulisan karangan argumentatif: Strategi penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. *Global Journal Al-Thaqafah*, 10(1), 58–64. <http://www.gjat.my/gjat2020vol10/8.pdf>
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahamood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. (Edisi ketiga). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2001, June 25). Penggunaan sendi nama “dalam”, “di”, “pada”. *Berita Harian*. <http://www.dbp.gov.my/klikdbp/klikdbp4apr7.pdf>
- Nor Ain Nor Azman, & Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2020). Analisis penggunaan kata sendi nama dalam penulisan berdasarkan teori kesalahan bahasa. *LSP International Journal*, 7(1), 40-59.
- Norfishah Mat Rabi. (2021). *Penulisan penyelidikan ilmiah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod, & Nor Azwa Hanum Nor Shaid. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 1-9.

- Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Malay Language Education Journal*, 4(Mei), 19-29.
- Richards, J. C., Platt, J. T., Weber, H., & Candlin C. N. (1992). *Longman dictionary of applied linguistics*. Longman.
- Shahidi A.H, Norshahila Mohamad Razak, M Mascitah Mansor, Rahim Aman, & Ab. Samad Kechot. (2016). Profil kecelaruan penutur natif Melayu dalam penulisan esei. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 11(1), 269-281.
- Siti Baidura Kasiran, & Nurul Jamilah Rosly. (2011, April 22-24). *Analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam karangan pelajar asing di sebuah institusi pengajian tinggi awam* [Paper presentation]. 2nd International Language Conference, Pagoh, Muar, Malaysia.
- Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam penulisan karangan pelajar. *LSP International Journal*, 4(1), 24-35.
- Zulkeflee Yaacob. (2020). *Kata tugas bahasa Melayu*. Bunga Melayu Solution.